

PRU-13 Adalah Mengenai Kaum – Dr M
MStar Online
Jun 29, 2012
Oleh TASHNY SUKUMARAN

KUALA LUMPUR: Pilihan raya umum akan datang adalah mengenai kaum berikutan rakyat Malaysia kini semakin bersifat perkauman, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Berucap pada forum "*Politics and Business: The Malaysian Connection.*", beliau menegaskan bahawa Malaysia kini dibahagikan oleh bangsa ekoran beberapa sentimen pelbagai pihak.

"Mereka mahu dikenali menerusi bangsa mereka, walaupun mereka hilang hubungan dengan negara asal mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, bagi mengelakkan masalah perkauman pada tahun-tahun awal penubuhan Malaysia, adalah penting bagi parti yang memerintah perlu membuat pengorbanan.

"Anda perlu memberi sesuatu bagi menampung sesuatu. Semasa pilihan raya 1955, orang Melayu memutuskan untuk memberikan kerusi-kerusi di mana pengundi yang kebanyakannya berbangsa Melayu.

"Kawasan pengundian diberi kepada teman Cina dan India, dan memastikan sokongan mereka terhadap calon-calon daripada perikatan," katanya.

Beliau menambah, orang Melayu juga menyerahkan 80 peratus majoriti negara dengan memberikan satu juga kewarganegaraan, menjadikan mereka kurang majoriti 60 peratus.

"Tetapi majoriti itu berpecah kepada dan menjadi sebuah minoriti. Tiga parti kecil Melayu di mana memerlukan sokongan Cina untuk menang.

"Itulah sebab sekarang ini lebih banyak politik perkauman berbanding sebelum ini," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/6/29/mstar_berita/20120628160316&sec=mstar_berita